

WAKAF

21 APRIL 2023|30 RAMADAN 1444H

أَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Amalan berwakaf sangat dituntut dalam agama Islam kerana ianya merupakan satu bentuk sumbangan untuk memastikan pembangunan sosial masyarakat dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Pahala dari amalan berwakaf ini akan berterusan buat mereka yang berwakaf kerana ibadah berwakaf termasuk dalam kategori sedekah jariah. Ganjaran pahala ini berterusan mengalir kepada pewakafnya meskipun telah meninggal dunia selagi mana harta yang diwakafkan itu dimanfaatkan oleh orang ramai.

Imam Muslim telah meriwayatkan hadis, daripada Abu Hurairah RadiAllahu Anhu Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: إِلَّا مِنْ
صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Yang bermaksud : “Apabila telah mati manusia terputuslah darinya amalannya melainkan tiga perkara; iaitu sedekah jariah (wakaf), ilmu yang dimanfaatkan atau anak soleh yang mendoakannya.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Ali Imran ayat 92:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Yang bermaksud: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

Ketika sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Abu Talhah RA mendengar sahaja ayat ini, maka beliau segera untuk mewakafkan harta yang paling disayanginya iaitu kebun yang dikenali sebagai Bairuha’. Kata beliau kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

إِنَّ رَبَّنَا لَيَسْأَلُنَا مِنْ أَمْوَالِنَا فَأُشْهِدُكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنِّي جَعَلْتُ أَرْضِي لِلَّهِ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Tuhan kita meminta harta kita untuk diinfakkan, maka aku bersaksikan engkau wahai Rasulullah, bahawa aku menjadikan tanah ini milik Allah Subhanahu wa-Ta’ala (untuk diwakafkan).”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Di negeri Pahang, pemegang amanah tunggal wakaf ialah Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan sesiapa yang ingin berwakaf hendaklah memohon terlebih dahulu kepada Wakaf Pahang MUIP yang menerima dan menguruskannya.

Orang ramai boleh berwakaf wang tunai serendah RM5.00 melalui mana-mana pejabat Pusat Kutipan Zakat Pahang di seluruh negeri Pahang dan juga boleh berwakaf melalui potongan gaji secara bulanan serta berwakaf secara atas talian bila-bila masa melalui portal Wakaf Pahang MUIP. Wakaf tunai ini akan digunakan untuk lima teras utama iaitu keagamaan, pendidikan, kesihatan, ekonomi dan sosial.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadith Riwayat at-Tirmidzi:

السَّخِيُّ قَرِيبٌ مِنَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِنَ الْجَنَّةِ قَرِيبٌ مِنَ النَّاسِ بَعِيدٌ مِنَ النَّارِ، وَالْبَخِيلُ بَعِيدٌ
مِنَ اللَّهِ بَعِيدٌ مِنَ الْجَنَّةِ بَعِيدٌ مِنَ النَّاسِ قَرِيبٌ مِنَ النَّارِ

Yang bermaksud: *“Orang yang dermawan dekat dengan Allah, dekat dengan syurga, dekat dengan manusia dan jauh daripada neraka. Orang yang bakhil jauh daripada Allah, jauh daripada manusia, dan dekat dengan neraka.”*

Ingatlah bahawa harta yang kita miliki hari ini adalah pinjaman daripada Allah Subhanahu wa-Ta’ala. Oleh itu, marilah kita bersikap dermawan dan tidak bersifat bakhil agar kita dapat melaksanakan ibadah wakaf dengan harta yang kita ada.

Sesungguhnya ramai dalam kalangan sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam telah melaksanakan ibadah wakaf. Saidina Abu Bakar as-Siddiq RadiAllahu Anhu telah mewakafkan tanahnya di Makkah, Saidina Umar al-Khattab RadiAllahu Anhu telah mewakafkan tanahnya di Khaibar. Malah, ramai lagi dalam kalangan mereka yang turut sama melaksanakan ibadah wakaf demi kepentingan umat Islam. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Al-Baqarah ayat 272:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ فَلَا نَنْفُسِكُمْ ۚ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ ۚ

وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُوفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ

Yang Bermaksud : “Dan apa jua harta yang halal yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (faedahnya dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri dan kamu pula tidaklah mendermakan sesuatu melainkan kerana menuntut keredaan Allah dan apa jua yang kamu dermakan dari harta yang halal, akan disempurnakan (balasan pahalanya) kepada kamu, dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak dikurangkan.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا

وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.